

D279

R B332 BAH
MAHATHIR - TAAT

KUALA LUMPUR, 6 JUN (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENGAJAI SEMUA CADANGAN, TERUTAMA OLEH MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA, SEBELUM MENGEMUKAKAN SATU RANCANGAN EKONOMI UNTUK TAHUN-TAHUN MENJELANGNYA TAHUN 2000, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, BAGAIMANAPUN, KERAJAAN BERPENDAPAT BAHAWA MASALAH KETIDAKSEIMBANGAN EKONOMI ANTARA KAUM HARUSLAH DIBERI KEUTAMAAN DEMI PERPADUAN DAN KESTABILAN NEGARA.

KETIKA MENYEMBAHKAN UCAPAN TAHNIAH DAN IKRAR TAAT SETIA PADA MAJLIS MENGHADAP DAN ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH DI ISTANA NEGARA HARI INI BELIAU BERKATA, WALAUPUN OBJEKTIF DEB TIDAK TERCAPAI SEPENUHNYA, NEGARA DAN RAKYAT BOLEH BERBANGGA KERANA DASAR ITU TELAH BERJAYA MENGURANGKAN JURANG PERBEZAAN TARAF EKONOMI ANTARA KAUM DAN MENGURANGKAN KADAR KEMISKINAN.

BELIAU BERKATA, KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA PULA TERUS BERTAMBAH TEGUH YANG DIGAMBARKAN MELALUI KADAR PERTUMBUHAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) TAHUN 1989 YANG MENGATASI PARAS 8 PERATUS. -- LAGI.

1142MST 06 06 90

D280

R B333 BAH
MAHATHIR - TAAT 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERTUMBUHAN EKONOMI YANG KUKUH ITU JUGA DIGAMBARKAN MELALUI IMBANGAN BAYARAN NEGARA YANG SANGAT MEMUASKAN.

KATANYA: +DALAM UCAPAN TAHNIAH PATIK TAHUN LEPAS, PATIK TELAH MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN YAKIN PELABURAN SWASTA, BAIK DARI DALAM ATAU LUAR NEGERI, AKAN TERUS MENINGKAT DAN HARAPAN KERAJAAN INI TELAH MENJADI KENYATAAN.+

+PERTAMBAHAN PELABURAN BAGI LIMA BULAN PERTAMA TAHUN INI DIANGGARKAN LEBIH DARI 12 BULAN PADA TAHUN 1989,+ TAMBAHNYA.

MENURUT PERDANA MENTERI, KEBANYAKAN SYARIKAT PERUSAHAAN DAN PERDAGANGAN MENCATAT KEUNTUNGAN YANG TINGGI, BAHKAN PENDAPATAN SESETENGAH PEKERJA JUGA TELAH MENINGKAT.

BELIAU BERKATA, PROGRAM-PROGRAM YANG DISUSUN BAGI MENJADIKAN STRUKTUR EKONOMI NEGARA LEBIH BERUPAYA MENGHADAPI CABARAN-CABARAN DI PASARAN ANTARABANGSA PADA MASA DEPAN JUGA DAPAT DIJALANKAN DENGAN BAIK. -- LAGI.

1145MST 06 06 90

D281

R B334 BAH
MAHATHIR - TAAT 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, SATU PERUBAHAN STRUKTUR EKONOMI IALAH MENGURANGKAN PERGGANTUNGAN EKONOMI NEGARA KEPADA EKSPORT BARANGAN UTAMA ATAU KOMODITI, SEBALIKNYA MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PERKILANGAN.

+USAHA INI SEMAKIN BERJAYA DENGAN KELUARAN PERKILANGAN TERUS MENINGKAT MENJADI PENYUMBANG UTAMA DENGAN SUMBANGAN KIRA-KIRA 54 PERATUS ATAU MELEBIHI SEPARUH JUMLAH EKSPORT TAHUN LEPAS,+ TAMBAHNYA.

KATANYA, INDUSTRI PERKHIDMATAN JUGA SEDANG MENGALAMI PROSES PERTUMBUHAN YANG BAIK TERUTAMA DALAM BIDANG PERHOTELAN DAN PELANCONGAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DENGAN ADANYA PERUBAHAN STRUKTUR YANG BAIK ITU, PERTUMBUHAN EKONOMI TAHUN 1990 DIJANGKAKAN SEBAIK TAHUN LEPAS, IAITU KDNK SEKALI LAGI MENGATASI KADAR 8 PERATUS DAN KEDUDUKAN KESELURUHAN IMBANGAN BAYARAN DIJANGKA TERUS MEMUASKAN.

MENGENAI KESELAMATAN PULA, PERDANA MENTERI BERKATA, KEADAAN PADA KESELURUHANNYA ADALAH TERPELIHARA TETAPI KERAJAAN DAN RAKYAT TIDAK AKAN LALAI BAHKAN AKAN TERUS BERWASPADA TERHADAP KEMUNGKINAN MALAYSIA DIANCAM OLEH MUSUH-MUSUH. -- LAGI.

1147MST 06 06 90

D282

R B335 BAH
MAHATHIR - TAAT 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KEADAAN KEAMANAN DAN KETENTERAMAN NEGARA TELAH MENEMPA SEJARAH BARU DENGAN PERLETAKAN SENJATA OLEH PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) PADA Hujung TAHUN LEPAS.

KATANYA, PERISTIWA ITU MENGGAMBARAKAN HASIL YANG WAJAR TERHADAP PENGORBANAN DAN KEPERWIRAN PASUKAN KESELAMATAN SERTA ORANG RAMAI MENENTANG USAHA KOMUNIS UNTUK MENUMBANGKAN KERAJAAN.

BELIAU BERKATA: +KERAJAAN BERHARAP PENGGANAS-PENGGANAS KOMUNIS BUKAN SAHAJA MELETAKKAN SENJATA, BAHKAN JUGA AKAN MELUPAKAN IDEOLOGI PERJUANGAN MEREKA.+

PASUKAN KESELAMATAN NEGARA YANG DIBERI PENGHORMATAN MENJADI PEMERHATI DI IRAN DAN IRAQ DAN SEBAGAI PENGAMAN DI NAMIBIA DI BAWAH PENYELIAAN BANGSA-BANGSA BERSATU JUGA TELAH MELAKSANAKAN TUGAS MEREKA DENGAN JAYANYA, TAMBAHNYA.

+INI TELAH MENGHARUMKAN NAMA NEGARA DI SAMPING MERUPAKAN SUMBANGAN KE ARAH MEWUJUDKAN DUNIA YANG AMAN.+ -- LAGI.

1154MST 06 06 90

D283

R B336 BAH
MAHATHIR - TAAT 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENYATAKAN RASA BANGGA RAKYAT DAN KERAJAAN KERANA SERI PADUKA BERDUA TELAH BERSAMA-SAMA MENJAYAKAN PERSIDANGAN KEMUNCAK PERTAMA KUMPULAN PERUNDINGAN DAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN YANG BERKAHIR TIGA HARI LEPAS.

KATANYA, +KERAJAAN YAKIN MALAYSIA KINI KIAN DIKENALI PADA KACA MATA DUNIA DAN SECARA LANGSUNG PERSIDANGAN ITU MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PROGRAM TAHUN MELAWAT MALAYSIA.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERIKRAR, BELIAU DENGAN SELURUH KAKITANGAN KERAJAAN, AKAN TERUS MENUMPUKAN USAHA DAN TENAGA UNTUK MENYEMPURNAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB DENGAN PENUH TEKAD BAGI MENJAMIN KEMAKMURAN, KESELAMATAN DAN KEBAHAGIAAN RAKYAT DAN NEGARA.
-- BERNAMA.

1155MST 06 06 90